

# Tumbuk Lada

## ASAL-USUL

Tumbuk Lada merupakan sejenis senjata pendek yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Istilah 'Tumbuk Lada' dikaitkan dengan bentuk hulunya yang menyerupai alat menumbuk lada. Di Sumatera, senjata ini dinamakan Tumbuk Lada atau Tumbuk Lading. Di dalam adat istiadat di Negeri Sembilan dan di kalangan masyarakat Minangkabau, senjata ini selalunya dikhususkan untuk golongan bangsawan berpangkat biasa. Senjata ini mulai terkenal atas faktor perdagangan dari Sumatera. Ianya dijadikan sebagai pertukaran barang dagangan dalam kalangan para pedagang di Nusantara dan juga pedagang dari Sumatera.

## BENTUK SENJATA

### HULU

- Berbentuk seakan-akan alat untuk menumbuk lada yang diperbuat dari kayu atau tanduk haiwan.
- Setiap bahagian hulu itu biasanya mempunyai bentuk seakan-akan bujur, berongga dan hujungnya diukir bertingkat.

### MATA

- Berbentuk sedikit melengkung dan hanya tajam di sebelah bahagian mata sahaja.
- Bahagian yang melentik di belakang matanya dikenali sebagai sebelah baung, bentuknya agak tebal dan meruncing ke hujung.
- Panjang bilah mata tumbuk lada adalah di antara 15 cm hingga 20 cm.
- Lebar matanya adalah di antara 2.5 cm hingga 3.8 cm.

### KEGUNAAN

Selain sebagai senjata istiadat, Tumbuk Lada juga digunakan khusus sebagai senjata untuk menikam & juga boleh digunakan untuk memotong.

*Ada yang berpendapat, nama Tumbuk Lada ini bermaksud jika seseorang terkena tikaman senjata ini, kesakitannya seperti termakan lada.*

*Wujud pendapat lain yang menyatakan bahawa Tumbuk Lada pada asalnya dikenali sebagai Tumbuk Dada kerana ia merupakan senjata untuk menikam di bahagian dada.*

*Penggunaan Tumbuk Lada turut berkait rapat dengan golongan wanita di Semenanjung Malaysia, seperti Perak dan Selangor sebagai senjata pelindung diri.*



**TAHUKAH  
ANDA?**

Semenanjung Malaysia  
Akhir abad ke 19 - awal ke 20 M  
Akhir abad ke 13 - awal ke 14 H

## SUMBER RUJUKAN


- *Senjata Warisan; Lembaga Muzium Selangor/ ditulis oleh Mohd. Zainuddin Haji Abdullah & Mohd. Shahrin Senik*
- *Symbols of Power and Beauty; The Collection of the Islamic Arts Museum Malaysia*
- *Kajian Terhadap Gambaran Senjata Orang Melayu dalam Manuskrip Tuhfat Al-Nafis*  
[http://studentsrepo.um.edu.my/5293/3/bahagian\\_teks.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5293/3/bahagian_teks.pdf)

Minangkabau, Indonesia  
Akhir abad ke-19 M /  
Akhir abad ke 19 H



# TEKA SILANG KATA:

## *Tumbuk Lada*



### MENEGAK

1. Di Sumatera, senjata ini dinamakan tumbuk lada ataupun \_\_\_\_\_.
3. Hulu senjata ini berbentuk seakan-akan alat untuk menumbuk lada diperbuat daripada \_\_\_\_\_ atau tanduk haiwan
5. Setiap bahagian hulu itu biasanya mempunyai bentuk seakan-akan \_\_\_\_\_, berongga dan hujungnya diukir bertingkat
7. Panjang \_\_\_\_\_ mata tumbuk lada adalah di antara 15cm hingga 20cm
9. Tumbuk lada digunakan khusus sebagai senjata untuk \_\_\_\_\_.
10. Bahagian yang melentik di belakang matanya dikenali dengan nama Sebelah \_\_\_\_\_, bentuknya agak tebal dan meruncing ke hujung.

### MELINTANG

2. \_\_\_\_\_ merupakan senjata pendek yang istimewa berasal dari Sumatera
4. Di dalam adat istiadat di Negeri Sembilan dan di kalangan masyarakat \_\_\_\_\_, senjata ini selalunya dikhaskan untuk golongan bangsawan berpangkat biasa.
6. Ada juga orang berpendapat nama tumbuk lada ini bermakna apabila seseorang terkena tikaman \_\_\_\_\_ ini, kesan kesakitannya seperti termakan lada
8. Matanya berbentuk sedikit melengkung dan hanya \_\_\_\_\_ di sebelah bahagian mata sahaja.